

**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
JALAN YONG SHOOK LIN,
46675 PETALING JAYA.**

Telefon : 03-79563544

Ruj. Kami : MBPJ/010103(U)/S/M9/1 Jld.3 (18)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS
(PENGGAL 2014-2015)
BILANGAN 9 TAHUN 2015**

Tarikh	: 30 September 2015 (Rabu)
Masa	: 10.00 Pagi – 12.16 Tengahari
Tempat	: Dewan Bunga Tanjung, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA.
Hadir	: Seperti dilampirkan kehadiran

1. DOA

Doa telah dibacakan oleh Encik Abdul Hakim bin Khairuddin, Penolong Pengarah (Penerbitan), Unit Komunikasi Korporat, Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

2. TAYANGAN VIDEO

- 2.1 Tayangan video korporat daripada Unit Komunikasi Korporat mengambil masa selama 14 minit yang memaparkan aktiviti-aktiviti Majlis dan Ahli Majlis sepanjang bulan Ogos dan September 2015.

3. PERUTUSAN DATUK BANDAR

- 3.1 Beliau mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli Majlis, Ketua Jabatan, pegawai-pegawai dan warga kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya yang telah bersama-sama memberikan kerjasama dan komitmen yang sepenuhnya kepada Majlis khususnya di dalam memastikan pelbagai program dan aktiviti yang telah dirancang dapat dilaksanakan dengan sebaiknya.



Di dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti Majlis, peranan Ahli Majlis dan ADUN adalah amat penting. Segala cadangan dan idea yang dikemukakan perlu diteliti dan diambil kira. Selain daripada itu, Majlis hendaklah terlebih dahulu mendapatkan maklumbalas daripada Ahli Majlis dan ADUN sekiranya ingin mengadakan sebarang program di Petaling Jaya memandangkan mereka lebih dekat dengan masyarakat dan memahami kehendak rakyat.

Beliau turut berharap agar segala perancangan yang telah diluluskan di dalam bajet 2016 dilaksanakan dengan jayanya. Bajet 2016 bukan setakat meluluskan belanja pembangunan sahaja akan tetapi melibatkan kelulusan pertambahan kakitangan bagi jabatan yang memerlukan seperti Jabatan Kejuruteraan. Beliau berharap dengan pertambahan kakitangan ini akan dapat memberikan perkhidmatan terbaik dan cemerlang kepada Majlis.

3.2 MAJLIS TERIMA ANUGERAH PROVISIONAL CERTIFICATE FOR LOW CARBON CITIES FRAMEWORK AND ASSESSMENT SYSTEM

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah dianugerahkan *Provisional Certificate for LCCF* (Low Carbon Cities Framework) oleh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air (KeTTHA) dan GreenTech Corporation di Persidangan Antarabangsa Greentech (IGEM) di atas kejayaan melaksanakan inisiatif Bandaraya Berkarbon Rendah baru-baru ini. Ini merupakan anugerah yang perlu ditingkatkan dari tahun ke tahun dan dijadikan inisiatif untuk menjadikan bandaraya Petaling Jaya 'low carbon cities'.

Anugerah ini dinilai berdasarkan pencapaian Majlis sejak LCCF diterimapakai pada tahun 2010. Antara inisiatif yang menjadikan MBPJ sebagai peneraju pembangunan teknologi hijau di antara PBT di seluruh Malaysia adalah Skim Rebat Cukai Taksiran bagi pemilik rumah yang mesra alam, skim meletak kereta percuma bagi pembeli kereta hybrid dan elektrik, syarat mandatori memasang lampu LED dan pengiktirafan indek bangunan hijau bagi projek pembangunan, program pemasangan lampu LED di lorong belakang rumah, Food Bank dan lain-lain lagi.

Ke arah Bandaraya Lestari 2030, sasaran Majlis bagi tempoh 5 tahun akan datang adalah untuk mengurangkan 25% penjanaan karbon di premis MBPJ dan 5% kWh penggunaan elektrik bagi tahun depan. Bagi menemui sasaran tersebut, Pelan Pengurusan Karbon MBPJ (2015-2020) telah dirumuskan dan kajian merangka Pelan Pengurusan Karbon PJ Fasa 2 sedang diusahakan.



3.3 PENGANJURAN PJ FAIR 2015

Penganjuran *PJ Fair* 2015 yang akan diadakan pada **28 hingga 29 November 2015 bertempat di Pusat Bandar Seksyen 52, Petaling Jaya** bertemakan *"Our Community"* yang memberi fokus kepada objektif untuk memperkuuhkan integrasi sosial di kalangan komuniti dan masyarakat di Petaling Jaya melalui aktiviti-aktiviti yang menggalakkan gaya hidup sihat di samping membina sahsiah, semangat berpasukan dan muhibbah.

Penganjuran *PJ Fair* 2015 pada kali ini akan turut mengenangkan peranan dan penglibatan segenap lapisan komuniti Petaling Jaya yang bukan sahaja akan menjadi peserta di dalam aktiviti yang dianjurkan malah sebagai urus setia beberapa aktiviti yang bersesuaian.

Program *PJ Fair* pada tahun ini merupakan penganjuran kali yang ke-3 sejak tahun 2013 dan diharap akan menjadi satu jenama festival yang mampu menarik kehadiran ribuan pengunjung bukan sahaja dari peringkat tempatan, malah pengunjung dan peserta dari peringkat kebangsaan dan antarabangsa yang seterusnya akan mempromosikan Bandar Raya Petaling Jaya ke peringkat dunia serta meningkatkan kesedaran masyarakat umum mengenai inisiatif yang dilaksanakan MBPJ ke arah menjadikan Petaling Jaya sebagai Bandar Raya Berdayahuni dan Mampan menjelang tahun 2030.

Selain itu juga, bandaraya berkembar iaitu Bandaraya Asan, Korea Selatan dan Bandaraya Bandung, Republik Indonesia akan turut hadir dan menyertai program *PJ Fair* 2015 ini.

Antara aktiviti yang akan dianjurkan ialah sukan keluarga iaitu *Fun Ride, Bike Hunt Competition, Zumba Competition*, aktiviti kanak-kanak seperti Pertandingan Mewarna kanak-kanak, *Giant Ballon, Inflatable Obstacle Games, Superhero Mascot*, acara sukan lasak seperti *Wall Climbing Competition, BMX Stunt Park Competition, BMX Flatland Competition*, acara hiburan dan seni pula ialah *Graffiti Painting Competition, Busking dan Jigling Football, pameran Basikal OSBMX, Basikal Klasik, Sukan Bermotor, Pembangunan Sukan (MPPJFC, Squash, Basikal dan Hoki) dan lain-lain lagi*. Aktiviti-aktiviti ini diharapkan akan dapat meningkatkan perpaduan dan integrasi sosial di kalangan masyarakat Petaling Jaya.

Beliau berharap supaya seluruh masyarakat Petaling Jaya dan warga kerja MBPJ dapat sama-sama memeriahkan dan menyertai pelbagai aktiviti yang telah disediakan sempena penganjuran program *PJ Fair* 2015 ini.



3.4 PERLAKSANAAN STANDARD OPERATING PROCEDURE BARU

Selaras dengan pelaksanaan OSC 3.0, *Standard Operating Procedure* (SOP) pembangunan gerai/medan selera Majlis akan **disemak semula** dan **ditambahbaik** iaitu mulai peringkat kelulusan pelan-pelan pembangunan, peringkat penyediaan dokumen perjanjian, peringkat pembinaan dan penilaian di tapak serta kaedah hal ehwal pengurusan. Ini bagi memastikan satu prosedur yang jelas untuk dilaksanakan oleh setiap jabatan yang terlibat disetiap peringkat. Seterusnya, Majlis melalui jabatan yang bertindak sebagai **care taker** pembangunan gerai/medan selera ini dapat menyediakan inventori dan pemantauan dari semasa ke semasa.

Salah satu syarat yang dikenakan semasa pemberian kebenaran merancang untuk pembangunan komersil, adalah penyediaan 2% daripada jumlah keluasan ruang lantai bersih perniagaan bagi tujuan gerai/medan selera.

Sehubungan dengan itu, satu bengkel berkaitan penyelesaian isu gerai/medan selera Majlis bersama agensi teknikal dalaman Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) selaras dengan pelaksanaan OSC 3.0 telah dijadualkan pada 14 September 2015 yang lalu. Hasil bengkel tersebut diharap pembangunan gerai/medan selera ini dapat dilaksanakan mengikut SOP yang ditetapkan.

3.5 ZON IKLAN SIFAR

Sejumlah 45,986 iklan haram telah diturunkan yang melibatkan Jalan Protokol, Pusat Bandar SS21 dan kawasan perumahan SS 5 oleh 4 syarikat kontraktor yang dilantik oleh Majlis. Jalan Protokol dan Pusat Bandar yang dipilih merupakan antara 8 Pusat Bandar dan 27 Jalan Protokol di seluruh Petaling Jaya yang telah diisyiharkan sebagai Zon Iklan Sifar oleh Majlis.

Iklan yang diturunkan termasuk kain rentang, bunting, pelekat dan lain-lain yang dipasang atau ditampal di tiang lampu, pokok dan struktur kemudahan awam lain. Daripada jumlah tersebut, 78% ataupun 35,881 unit iklan yang diturunkan adalah daripada Jalan Protokol, disusuli dengan kawasan Pusat Bandar sejumlah 15%.

Situasi menunjukkan bahawa pemantauan dan tindakan penguatkuasaan perlu diteruskan dalam usaha membasmi iklan haram ini memandangkan pemasangan iklan tanpa kebenaran di Jalan Protokol dan Pusat Bandar agak tinggi.



Bagi menangani ini, Majlis mengambil 2 pendekatan serentak, iaitu melantik kontraktor khusus penurunan iklan, di samping tindakan yang lebih ketat diambil ke atas pihak yang memasang iklan tanpa kebenaran dan juga pihak yang bertanggungjawab dalam kandungan iklan yang dipaparkan.

Majlis menyeru supaya orang ramai mematuhi peraturan yang ditetapkan supaya tidak memasang iklan sewenang-wenangnya di tempat awam tanpa kebenaran ataupun melanggari syarat yang telah ditetapkan demi menjaga kebersihan dan keindahan Bandar Raya Petaling Jaya.

3.6 KE ARAH PREMIS BERSIH

Daripada 1,937 buah premis di 12 buah Pusat Bandar yang diperiksa di antara 15hb Jun hingga 26hb Ogos yang lalu, sejumlah 45.8% ataupun 888 premis perniagaan dikesan tidak mematuhi syarat-syarat kebersihan kawasan.

Hasil pemeriksaan premis perniagaan, antara lain kesalahan yang dikesan adalah tidak menyediakan tong sampah bersaiz 240 liter, menghalang kerja-kerja pembersihan dengan menutup longkang di depan dan di belakang kedai, tidak memasang perangkap minyak ataupun perangkap minyak yang tidak berfungsi dengan baik sehingga menyebabkan kekotoran longkang serta menjalankan aktiviti perniagaan di lorong belakang. Projek perintis yang dijalankan oleh Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam ini juga mendapat kerjasama dari Jabatan Penguatkuasaan, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Persekutuan dan Jabatan Pelesenan.

Pemegang lesen yang diberi notis telah diberikan tempoh selama 14 hari dan sekiranya masih lagi ingkar, lesen bagi tahun 2016 tidak akan diperbaharui. Daripada jumlah notis yang dikeluarkan, hanya 40% ataupun 362 pemilik telah membetulkan kesalahan yang dilakukan beserta bukti. Manakala selebihnya, 526 lesen tidak akan diperbaharui selagi tindakan penambahbaikan tidak dilakukan.

Majlis akan memulakan operasi pemeriksaan lesen ke atas premis perniagaan yang melanggari syarat kebersihan dan pengurusan sampah bagi Fasa 2 pada awal tahun depan. Seiring itu, Majlis menyeru agar pemegang lesen akan mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan demi menjaga kebersihan dan keindahan bandar Petaling Jaya.



3.7 SITUASI KES DEMAM DENGGI

Laporan kes denggi di Majlis Bandaraya Petaling Jaya sehingga minggu epid 37 adalah sebanyak 6,410 kes dengan 14 kes kematian telah dilaporkan. Sebanyak 53 lokaliti wabak demam denggi iaitu 33 lokaliti adalah wabak terkawal, 7 wabak tidak terkawal dan 11 lokaliti hot spot.

Perbandingan jumlah kes yang dilaporkan ini menunjukkan penurunan kes di kawasan MBPJ. Bilangan kes dilaporkan semenjak bulan Julai sehingga September 2015 (setakat minggu epid ke-37) adalah seperti yang berikut:-

BIL	BULAN	KES DILAPORKAN
1	Julai	805
2	Ogos	525
3	September (setakat minggu epid ke-37)	297

Perbandingan kes yang telah didaftarkan pada suku tahun kedua (April hingga Jun) dan pada suku tahun ketiga (Julai hingga September) telah menunjukkan penurunan kes sehingga 41 peratus.

MBPJ juga telah mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap individu yang tidak menjaga kebersihan dan sebanyak 352 kompaun dan 158 notis telah dikeluarkan.

Beliau mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua warga kerja MBPJ, Ahli Majlis, ADUN dan masyarakat Petaling Jaya yang terlibat secara langsung menjaga kebersihan sehingga penurunan wabak denggi di MBPJ. Beliau berharap agar kerjasama tersebut diteruskan dan dapat ditingkatkan agar Petaling Jaya bersih dan jauh dari wabak denggi.

3.8 SITUASI PENYAKIT RABIES

Kes jangkitan anjing gila atau *Rabies* adalah penyakit sistem saraf yang disebabkan oleh jangkitan virus. Virus ini merebak menerusi air liur anjing menerusi gigitan atau luka yang terbuka. Ia juga boleh berjangkit menerusi mulut, rongga hidung dan selaput mata. Pada ketika seseorang yang dijangkiti virus ini menunjukkan tanda-tanda jangkitan, kebiasaannya ianya berkesudahan dengan maut.



Setakat ini, tiada kes rabies yang dilaporkan di Negeri Selangor dan di kawasan pentadbiran Majlis. Semua anjing yang dilesenkan oleh Majlis telah diberi suntikan vaksin sebagai syarat pelesenan. Dari Januari sehingga September, sebanyak 2,960 ekor anjing liar telah berjaya ditangkap oleh Pasukan Menangkap Anjing MBPJ.

3.9 OPERASI PEMBUANGAN SAMPAH HARAM

Majlis telah berjaya menahan 10 individu (4 warga tempatan dan 6 bukan warga negara) dan 3 buah lori di dalam operasi statik kawasan sampah haram di 8 hotspot pembuangan sampah dan pada 18 September 2015, Majlis telah membawa 1 kes ke Mahkamah Majistret (Munisipal) Petaling Jaya dan dijatuhkan hukuman denda sebanyak RM300.00 atau sekiranya gagal untuk membayar, Orang Kena Saman (OKS) akan dipenjara.

3.10 OPERASI BERSEPADU

Sebanyak 14 operasi bersepadu melibatkan Pusat Hiburan, Pusat Siber dan Kafe Siber dan Rumah Urut telah dijalankan. Majlis telah mengambil tindakan kompaun sebanyak 238 dan 62 sitaan manakala 50 tangkapan telah dibuat dalam operasi sepanjang tahun 2015.

4.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA BILANGAN 8 TAHUN 2015 (SESI 2014/2015)

4.1 MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA BILANGAN 8 TAHUN 2015 (SESI 2014/2015)

4.1.1 Minit Mesyuarat Majlis bilangan 8 Tahun 2015 bertarikh 28 Ogos 2015 telah diluluskan tanpa pindaan.



5.0 LAPORAN MAKLUMBALAS KE ATAS MINIT MESYUARAT MAJLIS BILANGAN 8 TAHUN 2015 YANG TELAH DIADAKAN PADA 28 OGOS 2015

RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
6.8.1	<p>CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENASIHAT LALULINTAS BERTARIKH 18 OGOS 2015.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mesyuarat turut memutuskan untuk mengeluarkan 'Stop Work Order' kepada Syarikat IWK yang membuat kerja-kerja di Jalan Semangat memandangkan menganggu lalulintas. Pengarah Jabatan Kejuruteraan turut diminta untuk melihat semua projek-projek yang melibatkan mana-mana agensi yang tidak mengikut prosedur di seluruh kawasan Petaling Jaya terutama di kawasan PJS 4 dan SS 1/6. 	<p>Pihak Jabatan telah mengeluarkan 'stop work order' kepada syarikat-syarikat yang dilantik oleh pihak IWK iaitu Syarikat Mangkubumi (Jalan Semangat dan SS 1/6) dan Syarikat Jaks Sdn Bhd (PJS 4) berkuatkuasa pada 28 Ogos 2015 sehingga pihak Jabatan dan Ahli Majlis Kawasan berpuashati terhadap kerja-kerja yang dijalankan.</p>



RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
7.1	<p>PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH TUAN IR. LEE SUET SEN</p> <ul style="list-style-type: none"> - Beliau berharap agar Majlis melihat semula kemudahan kquarters yang ditawarkan kepada kakitangan majlis. Beliau mendapati kquarters di Seksyen 8 tidak selamat didiami di mana banyak bumbung bocor dan keadaan rumah yang terlalu daif. Sementara itu beliau berharap agar kquarters inai merah dicat semula agar nampak ceria dan meminta agar kerja-kerja pemberian kquarters disegerakan. Beliau berharap agar Majlis menjaga kebajikan kakitangan MBPJ terutama dari segi tempat tinggal. 	<p><u>Kquarters Seksyen 8</u></p> <p>Kquarters seksyen 8 adalah dalam proses pembangunan semula bagi menyediakan kemudahan kuerters yang lebih sempurna dan selesa memandangkan kquarters sedia ada sangat uzur dan tidak sesuai untuk didiami. Perancangan pembangunan semula kquarters ini telah dilakukan dan dibincangkan dalam Jawatankuasa Kquarters dibawah tindakan Jabatan Perancangan Bandar manakala Jabatan Kawalan Bangunan terlibat dalam merekabentuk kquarters tersebut.</p> <p><u>Kquarters Inai Merah</u></p> <p>Pihak Jabatan akan melaksanakan kerja-kerja menaiktaraf Kquarters Inai Merah dalam masa terdekat. Kontraktor dijangka akan dilantik dan memulakan kerja bermula bulan Oktober 2015 dan merupakan projek sambungan. Kerja-kerja menaiktaraf Kquarters Inai Merah termasuk kerja-kerja menaiktaraf bilik air sedia ada (waterproofing) bagi 240 unit rumah bagi 3 blok bangunan kquarters, kerja mengecat bangunan, gutter serta paip turun air hujan, pagar dan pondok pengawal, menaiktaraf tempat letak kereta serta lain-lain kerja berkaitan. Kerja-kerja ini dilaksanakan bagi memberi keselesaan kepada penghuni kquarters inai merah.</p>



RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
7.2	<p>PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK CHONG FOOK MENG</p> <ul style="list-style-type: none"> - Beliau berharap agar peruntukan tambahan bas percuma dimasukkan di dalam bajet 2016. - Selain daripada itu, beliau turut mencadangkan agar MBPJ menyediakan kemudahan perhentian bas yang mencukupi serta laluan pejalan kaki dan basikal yang mesra pengguna. 	<p>Peruntukan tambahan bas percuma telah dimasukkan dalam senarai Bajet 2016.</p> <p>Pihak Jabatan telah menyenaraikan peruntukan bagi membaik pulih dan menaiktaraf kemudahan perhentian bas serta menaiktaraf laluan pejalan kaki sedia ada dalam bajet tahun 2015. Tumpuan lokasi adalah bagi tahun 2016 adalah tertumpu kepada kawasan-kawasan yang agak kritis seperti berikut :-</p> <p><u>Perhentian Bas</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Hadapan Sekolah Kebangsaan (2), Jalan Selangor • Hadapan Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Sri Damansara 1, Persiaran Perdana • Hadapan Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Sri Damansara 2 Persiaran Meranti <p><u>Laluan Pejalan Kaki</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Jalan SS 2/75 • Jalan SS 7/15, SS 7/16, SS 7/10 • Jalan SS 8/7 • Jalan 17/13



RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
		<p>Manakala bagi kemudahan laluan basikal, buat masa ini pihak Jabatan ada menyediakan kemudahan tersebut dan ianya termasuk dalam projek Jalan Sehala di sekitar Jalan Utara, Jalan Barat, Jalan Timur, Jalan Sultan dan sebahagian Jalan Yong Shook Lin yang mana projek tersebut masih sedang berjalan.</p> <p><u>Maklumat Tambahan</u></p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa Majlis bercadang untuk mewujudkan perkhidmatan bas elektrik. Sebanyak sebuah atau dua buah bas elektrik akan memulakan perkhidmatan pada tahun hadapan.</p> <p>Selain daripada itu, Mesyuarat turut dimaklumkan cadangan Majlis untuk menyediakan perkhidmatan bas sekolah secara percuma di tempat-tempat yang telah dikenalpasti. Terdapat permintaan daripada ibubapa agar perkhidmatan bas sekolah secara percuma disediakan pada waktu pergi dan balik sekolah. Perkhidmatan bas sekolah secara percuma ini hanya mengambil anak-anak murid di stesen-stesen bas yang dikenalpasti dan bukan mengambil anak murid dari rumah ke rumah.</p>



6. MENIMBANGKAN CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS

6.1 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA TENDER BERTARIKH 1 SEPTEMBER 2015, 18 SEPTEMBER 2015 DAN 22 SEPTEMBER 2015.

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 3 (132)

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 3 (133)

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 3 (134)]

6.1.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Juruukur Bahan, MBPJ.

6.2 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC) BERTARIKH 28 OGOS 2015, 9 SEPTEMBER 2015 DAN 21 SEPTEMBER 2015.

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 5 (14)]

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 5 (16)]

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 5 (18)]

6.2.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Unit OSC, MBPJ.

6.3 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN KORPORAT BERTARIKH 13 OGOS 2015.

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/10 (134)]

6.3.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Unit Audit Dalam, MBPJ.

6.4 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BERTARIKH 11 SEPTEMBER 2015.

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/21 (77)]

6.4.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Landskap, MBPJ.



**6.5 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENASIHAT LALULINTAS BERTARIKH 14 SEPTEMBER 2015.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/9 JLD. 2 (37)]**

6.5.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.

**6.6 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN, PERKHIDMATAN KORPORAT DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BERTARIKH 15 SEPTEMBER 2015.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/10 JLD 2 (107)]**

6.6.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), MBPJ.

**6.7 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BERTARIKH 21 SEPTEMBER 2015.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/2 JLD 3 (50)]**

6.7.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.

6.7.2 Mesyuarat turut mengambil maklum pertanyaan Encik Ahmad Akhir berkaitan perkara 4.5.1 di muka surat 6 berkaitan menghapus kira hutang lapuk tunggakan cukai taksiran oleh Syarikat Sajiana Pertiwi Sdn. Bhd. Berjumlah RM407,033.90.

Tuan Pengerusi menjelaskan bahawa hutang lapuk ini dihapus kira berdasarkan peraturan kewangan sedia ada setelah syarikat tersebut tidak lagi wujud.

Tindakan : Makluman.



**6.8 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PERANCANGAN BANDAR BERTARIKH 22 SEPTEMBER 2015.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/14 JLD. 2 (43)]**

6.8.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Perancangan dan Pembangunan, MBPJ.

6.8.2 Mesyuarat turut mengambil maklum berkaitan perkara berikut:-

Perkara 6.18 di muka surat 10 di mana Encik Tang memohon agar Jabatan Teknologi Maklumat bukan setakat menyediakan laporan berkaitan Pusat Komuniti di Jalan 17/1 akan tetapi mengambil alih tempat tersebut untuk kegunaan Majlis.

Perkara 6.19 di muka surat 10, sebagaimana keputusan Mesyuarat yang telah menolak permohonan rayuan daripada Tetuan Ganad Media Sdn Bhd, maka mesyuarat meminta agar Jabatan Kawalan Bangunan mengambil tindakan menurunkan papan iklan dengan segera.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Kawalan Bangunan, MBPJ.

**6.9 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BERTARIKH 22 SEPTEMBER 2015.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/7 JLD. 2 (60)]**

6.9.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Persekitaran, MBPJ.

**6.10 CADANGAN MINIT MESYUARAT PIHAK BERKUASA MELANTIK BERTARIKH 28 SEPTEMBER 2015.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/17 (131)]**

6.10.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), MBPJ.



7.0 UCAPAN PENANGGUHAN

7.1 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK OON CHONG LING

7.1.1 Beliau membangkitkan isu berkaitan penyewaan kedai di Seri Setia oleh Syarikat Tetuan Sri Shridi Bhagawan Conviniience Shop di mana syarikat tersebut telah menerima notis penamatkan sewaan setelah dilanjutkan sewaan selama 2 bulan lagi iaitu mulai 1 Ogos 2015 sehingga 30 September 2015. Sehubungan dengan itu memandangkan syarikat tersebut telah mendapat tempat untuk berpindah, beliau merayu untuk tambahan tempoh sebulan dari tarikh tersebut iaitu hari ini bersamaan 30 September 2015.

Mesyuarat telah bersetuju meluluskan permohonan pelanjutan penyewaan oleh Syarikat Tetuan Sri Shiridi Bhagwan Conviniience Shop sehingga 31 Oktober 2015 sahaja.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MBPJ.

7.1.2 Beliau turut mencadangkan agar Majlis menjemput ADUN di dalam setiap program Majlis memandangkan kebanyakkan program-program Majlis tidak melibatkan dan menjemput ADUN.

**Tindakan : Pengarah, Unit Komunikasi Korporat, MBPJ,
Semua Ketua Jabatan/Bahagian, MBPJ.**

7.2 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH YB TUAN HEE LOY SIAN

7.2.1 Penglibatan ADUN di dalam Program Majlis

Beliau berharap agar ADUN dilibatkan di dalam semua program-program anjuran Majlis.

**Tindakan : Pengarah, Unit Komunikasi Korporat, MBPJ,
Semua Ketua Jabatan/Bahagian, MBPJ.**



7.2.2 Program Zon Iklan Sifar


Beliau membangkitkan perutusan Tuan Pengurus berkaitan Zon Iklan Sifar di mana beliau berharap agar ada kaedah yang lebih effektif untuk menurunkan semua iklan haran di kawasan Petaling Jaya. Beliau mencadangkan agar PBT mengambil inisiatif untuk mengarahkan kontraktor pembersihan di setiap zon menurunkan iklan haram tersebut dengan bayaran. Dalam masa yang sama Majlis perlu mengetatkan undang-undang sedia ada agar lebih tegas kepada individu/syarikat yang memasang iklan haram di PJ. Dalam masa yang sama beliau akan membentangkan perkara ini kepada Kerajaan Negeri.

Tindakan : Pengarah, Unit Perundangan, MBPJ.

Tuan Pengurus memaklumkan bahawa Majlis dalam proses untuk menggantikan cat-cat di bangunan-bangunan dan tiang-tiang lampu kepada cat yang kalis lekat secara berperingkat. Sementara itu syarat ini dilaksanakan bagi setiap kelulusan pembangunan baru di Petaling Jaya.

Tindakan : Makluman.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.16 tengahari. Tuan Pengurus mengucapkan terima kasih di atas kehadiran Ahli Mesyuarat. Beliau turut menegaskan bahawa semangat kerjasama yang padu di antara warga kerja Majlis dengan Ahli Majlis dan ADUN akan dapat memperbaiki dan meningkatkan lagi perkhidmatan Majlis kepada orang awam.


(JOHARY BIN ANUAR) AMS
Setiausaha,
b.p. Datuk Bandar,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Bertarikh : 8 Oktober 2015



LAMPIRAN KEHADIRAN

HADIR:

- | | |
|--|-------------|
| 01. Tuan Mohd Azizi bin Mohd Zain,
Datuk Bandar, MBPJ. | - Pengerusi |
| 02. Tuan Johary bin Anuar,
Timbalan Datuk Bandar, MBPJ. | |
| 03. Tuan Haji Mohd Ghazali bin Daud,
Ahli Majlis, MBPJ. | |
| 04. Encik Tony Cheong Siew Thong,
Ahli Majlis, MBPJ. | |
| 05. Encik Azri bin Mohamad Arish,
Ahli Majlis, MBPJ. | |
| 06. Encik Oon Chong Ling,
Ahli Majlis, MBPJ. | |
| 07. Encik Ang Ming Ern,
Ahli Majlis, MBPJ. | |
| 08. Encik Ariffin bin Mahaiyuddin,
Ahli Majlis, MBPJ. | |
| 09. Encik Azizi bin Ariffin,
Ahli Majlis, MBPJ. | |
| 10. Puan Sia Siew Chin,
Ahli Majlis, MBPJ. | |
| 11. Encik Tang Fuie Koh,
Ahli Majlis, MBPJ. | |
| 12. Encik Mahharul bin Ismail,
Ahli Majlis, MBPJ. | |
| 13. Puan Cynthia Gabriel,
Ahli Majlis, MBPJ. | |
| 14. Encik Suriase a/l Gengiah,
Ahli Majlis, MBPJ. | |



15. Y.M Raja Fairuz binti Raja Mazlan,
Ahli Majlis, MBPJ.
16. Encik Halimey bin Abu Bakar,
Ahli Majlis, MBPJ.
17. Encik Ahmad Akhir bin Pawan Chik,
Ahli Majlis, MBPJ.
18. Encik Shatiri bin Mansor,
Ahli Majlis, MBPJ.
19. Encik Chong Fook Meng,
Ahli Majlis, MBPJ.
20. Encik Ong Swee Long,
Ahli Majlis, MBPJ.
21. Encik Sugumaran a/l R Annamalai,
Ahli Majlis, MBPJ.
22. Puan Wong Yuet Leng,
Ahli Majlis, MBPJ.
23. Encik Chan Kien Fatt,
Ahli Majlis, MBPJ.

TIDAK HADIR:

01. Tuan Ir. Lee Suet Sen, (*dengan maaf*)
Ahli Majlis, MBPJ.
02. Encik Jeyaseelen a/l T Anthony, (*dengan maaf*)
Ahli Majlis, MBPJ.



HADIR BERSAMA:

01. Tuan Haji Ahmad Mohayen bin Haji Said,
Timbalan Setiausaha,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
02. Puan Hajah Sa'diyah binti Khasiman,
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.
03. Puan Sharipah Marhaini binti Syed Ali,
Pengarah, Jabatan Perancangan Pembangunan, MBPJ.
04. Tuan Ir. Ismail bin Shafie,
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.
05. YBhg. Datin Sr. Amreeta Kaur, MISM
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MBPJ.
06. Encik Aznan bin Haji Hassan,
Pengarah, Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan, MBPJ.
07. Puan Nor Lisma binti Abd. Rahim,
Wakil Pengarah, Jabatan Kawalan Bangunan, MBPJ.
08. Puan Zuraidah binti Sainan,
Pengarah, Jabatan Landskap, MBPJ.
09. Puan Dr. Chithradavi a/p N Vadivelu,
Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan
Dan Persekitaran, MBPJ.
10. Encik Mohd Fauzi bin Maarop,
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan, MBPJ.
11. Puan Zaleha binti Ahmad,
Wakil Pengarah, Jabatan Pelesenan, MBPJ.
12. Encik Lee Lih Shyan,
Pengarah,
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal & Permbersihan Awam, MBPJ.
13. Puan Norzita binti Mokhtar,
Wakil Pengarah, Unit Perundungan, MBPJ.
14. Puan Hajah Zainun binti Zakaria,
Wakil Pengarah,
Unit Komunikasi Korporat, MBPJ.



15. Puan Hajah Norlida binti Mohd Isa,
Wakil Pengarah, Unit Audit Dalam, MBPJ.
16. Encik Mohd Zulhairi bin Johar,
Wakil Pengarah, Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB), MBPJ.
17. Puan Hairulliza binti Abdul Rahman,
Pengarah, Unit Pusat Setempat (OSC), MBPJ.
18. Puan Zatul 'Iffah binti Azizan,
Wakil Pengarah, Unit Teknologi Maklumat, MBPJ.
19. Encik Mohamad Rosnani bin Haji Hamid,
Timbalan Pengarah (Sumber Manusia),
Bahagian Sumber Manusia, MBPJ.
20. Puan Saliza binti Mohd. Masri,
Penolong Pengarah Kanan (Tender dan Kontrak),
Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.

AHLI PARLIMEN/ADUN:

01. YB. Tuan Hee Loy Sian,
Ahli Parlimen Petaling Jaya Selatan.
02. Encik Billy Wong,
Wakil Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara.
03. YB. Tuan Rajiv a/l Rishyakaran,
ADUN Bukit Gasing.
04. Encik Ding Eow Chai,
Wakil ADUN Kg. Tunku.
05. Puan Nurul Adillah binti Yusop dan Puan Nur Anisa binti Mohd Arif,
Wakil ADUN Kota Damansara.
06. Encik Mohd Radzlan bin Jalaludin,
Penyelaras DUN Kota Damansara.



URUSETIA:

01. Puan Haslida binti Samat,
Penolong Pegawai Tadbir Kanan (Urusetia),
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
02. Puan Sunita binti Saad,
Pembantu Tadbir Kanan,
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
03. Encik Mohd. Sakri bin Md Zin,
Pembantu Tadbir,
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.

